

PELAJAR HARUS BERSYUKUR MALAYSIA AMAN, KATA SHAHRIZAT

BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 15/04/2003 | Author: / MMK SHI MFJ LAT

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Para pelajar di Malaysia patut bersyukur kerana hidup dalam negara yang stabil, aman dan rakyat yang bersatu padu tanpa perlu berhadapan dengan pelbagai masalah seperti di kebanyakan negara lain, kata Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil hari ini.

Beliau berkata suasana negara yang aman, membolehkan mereka belajar dengan tenang dan selamat untuk menjadi insan yang mampu memikul tanggungjawab sebagai pemimpin pada masa depan.

"Mereka bertuah jika dibandingkan dengan kanak-kanak di negara lain yang hidup terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah seperti perang dan sebagainya seperti kanak-kanak di Iraq," katanya pada sidang media selepas meraikan 37 pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2002 dari kawasan Parlimen Lembah Pantai di sini.

Shahrizat, yang juga Anggota Parlimen kawasan itu, turut menyuarakan rasa bangga terhadap pencapaian cemerlang pelajar berkenaan yang terdiri dari pelbagai latar belakang.

"Ini merupakan satu pencapaian yang positif kerana walaupun tidak termasuk dalam golongan berada, mereka mendapat pendidikan yang sempurna," katanya.

Seramai 37 pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bangsar, SMK Seri Pantai, SMK Petaling dan SMK Bukit Bandaraya bersama ahli keluarga masing-masing, diraikan pada majlis itu.

Dalam perkembangan lain, Shahrizat berkata kementerian itu akan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi menyelesaikan masalah pendaftaran kelahiran anak tidak sah taraf.

Katanya kebanyakan ibu yang tidak berkahwin, tidak mendaftarkan anak yang lahir di luar perkahwinan sehingga menimbulkan masalah kepada anak berkenaan, terutama untuk mendapatkan pendidikan.

"Kita akan usahakan. Kita akan lakukan apa yang perlu untuk mendapatkan pembelaan sewajarnya bagi kanak-kanak yang tidak berdosa itu," katanya.

-- BERNAMA

MMK SHI MFJ LAT